

Jenayah ragut mula menurun

Penubuhan persatuan penduduk, inisiatif polis main peranan

SELYANG BARU – Sejak beberapa tahun lalu kawasan Pekan Selayang Baru, di sini terkenal sebagai lokasi penjenayah terutamanya kegiatan ragut, sehingga kejadian dikatakan berlaku saban minggu.

Pengerusi Persatuan Penduduk Pekan Selayang Baru, Kapt (B) Ali Amran Mat Lawan berkata, bagaimanapun selepas penubuhan persatuan penduduk kira-kira satu setengah tahun lalu, kejadian tersebut mula berkurangan.

“Boleh dikatakan sekarang, sebulan sekali pun kita sudah tidak dengar lagi kejadian ragut. Kita percaya ia hasil kerjasama penduduk dalam membanteras jenayah ini.

“Malah, melalui ceramah keselamatan yang diadakan, di samping inisiatif polis membuka pondok polis di kawasan strategik di kawasan ini menurunkan lagi kadar jenayah tersebut,” katanya pada majlis

“Boleh dikatakan sekarang, sebulan sekali pun kita sudah tidak dengar lagi kejadian ragut.”

- Ali

sepetang bersama pemimpin, di sini.

Hadir merasmikan program Persatuan Penduduk Pekan Selayang Baru bersama Majlis Keselamatan Negeri (MKN) Selangor, Majlis Gabungan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan agensi kerajaan daerah Gombak itu ialah Pengerusi Gabungan NGO Gombak, Datuk Dr Rahman Ismail.

Turut serta dalam program, bekas Pengarah Kemas, Datuk Ibrahim Narek dan Penolong Pengarah MKN Selangor, Major Rasip Rasol.

Dalam pada itu menu-



■ Ali (empat, kanan) dan Rahman (lima, kanan) bersama wakil Gabungan NGO Gombak serta warga emas selepas majlis penyampaian sumbangan.

rut Ali, pihaknya sedang berusaha mengetengahkan beberapa masalah setempat Pekan Selayang Baru membabitkan kira-kira 2,000 unit rumah penduduk tinggal di situ.

“Antara masalah sedang kita ketengahkan adalah berkenaan isu banjir seperti di Jalan 11 dan Jalan 11C. Isu banjir di situ sudah berlarutan sekian lama akan kita bawa kepada pihak berkenaan.

“Sebelum ini, terdapat individu yang membuat aduan, namun tiada seba-

rang tindakan. Sebab itu, kita bawa kepada Gabungan NGO daerah ini untuk kita fikirkan penyelesaian boleh dilakukan,” katanya.

Ali berkata, penduduk di harap prihatin dengan usaha telah dijalankan melalui persatuan ini dan mengambil penyertaan dalam setiap aktiviti serta program akan dijalankan selepas ini.

Sementara itu, Rahman berkata, program sepetang bersama Gabungan NGO Gombak sudah dilaksanakan pihaknya hampir seti-

ap minggu sejak lebih setahun lalu.

“Dalam pelaksanaan program ini, kita bertemu semua rakyat dan menjalankan aktiviti melalui cara dan pendekatan berbeza bergantung kepada majoriti penduduk di sesuatu kawasan.

“Kita juga akan mengenal pasti isu-isu setempat di kawasan berkenaan seperti masalah infrastruktur dan sebagainya,” katanya.

Rahman berkata, dalam program sama, penerangan berkenaan isu-isu

semasa negara seperti kenaikan harga barang dan kos hidup diterangkan melalui taklimat oleh penceramah jemputan terdiri kalangan ahli Gabungan NGO Gombak.

Dalam program, itu kira-kira 10 warga emas, menerima sumbangan wang sagu hati daripada Persatuan Penduduk Pekan Selayang Baru dan Gabungan NGO Gombak.

Gabungan NGO Gombak sehingga kini disertai kira-kira 109 NGO sekitar daerah Gombak.